

2.0 POTENSI PEMBANGUNAN INDUSTRI KELAPA NEGARA DARI PERSPEKTIF RANTAIAN NILAI

Mohd. Rashid Rabu, Nor Amna A'liah Mohammad Nor, Mohd Hafizudin Zakaria dan Mohd Dainori Mohd Shah

2.1 PENDAHULUAN

Industri tanaman kelapa di Malaysia telah bermula semenjak sebelum merdeka lagi. Diawal abad kesembilan belas, kelapa merupakan bahan mentah dalam penghasilan lemak dan minyak sayuran dunia. Perdagangan kelapa dunia berkembang disebabkan permintaan terhadap lemak dan minyak sayuran yang dihasilkan oleh kelapa. Kelapa merupakan satu-satunya bahan asas kepada penghasilan lemak dan minyak dunia ketika itu.

Rekod perdagangan kelapa dunia menunjukkan bahawa Amerika Syarikat telah mengimport sejumlah 20,000 MT lemak dan minyak kelapa dalam tahun 1920an. Perdagangan minyak kelapa menjadi begitu penting ketika itu dan negara-negara kepulauan Pasifik, India, Indonesia dan Kepulauan Carribean telah membangunkan perusahaan kelapa bagi menampung permintaan dunia ketika itu. Namun, menjelang suku kedua abad kedua puluh, negara-negara pengimport bahan lemak dan minyak berasaskan kelapa telah mula mencari tanaman alternatif bagi menggantikan lemak minyak sayuran daripada kelapa. Negara-negara pengimport mula menukar lemak minyak kelapa kepada lemak minyak kacang soya, jagung, kacang tanah manakala Malaysia mula mempelopori penanaman kelapa sawit bagi menghasilkan lemak dan minyak masak. Usaha negara-negara ini telah membuahkan hasil dan merubah corak dagangan lemak minyak dunia dengan lebih luas. Ini menyebabkan kepentingan perdagangan kelapa dan industri kelapa dunia merudum.

Malaysia pada satu ketika dahulu dalam tahun 1980an mempunyai keluasan kawasan tanaman kelapa yang agak luas berjumlah hampir 400,000 hektar dan dengan jumlah pekebun kecil menghampiri 150,000 orang. Ia merupakan satu industri yang penting pada masa itu. Namun kepentingan industri ini berkurangan dengan ketara kepada kurang sepertiga daripada keluasan asal (Tengku Ariff, 1998). Manakala jumlah pekebun kecil kelapa juga telah menurun kepada separuh daripada asal. Ketika ini dianggarkan jumlah keluasan kawasan tanaman kelapa di negara ini hanya sekitar 82,000 hektar dengan jumlah pekebun kecil kelapa pula dianggarkan 80,000 orang.

Penawaran komoditi kelapa negara kurang menarik disebabkan oleh harga pasaran yang begitu rendah, di mana dalam tahun 1980an harga sebiji kelapa jatuh sehingga 0.15 sebiji dan pekebun kelapa adalah antara kelompok petani yang sentiasa dikategorikan di kalangan golongan miskin. Purata pendapatan tahunan bagi sehektar dengan purata hasil 4,000 biji/ha adalah RM600.00. Maka, pendapatan bulanan pekebun kelapa berada pada RM50/bulan. Pelbagai dasar dan langkah memajukan pekebun kelapa diperkenalkan bagi membantu pekebun kecil. Antara inisiatif utama yang dilaksanakan oleh kerajaan adalah galakan tanaman selingan. Tanaman selingan utama yang digalakkan adalah tanaman koko di bawah kebun kelapa. Namun begitu, persaingan harga komoditi menyebabkan kebanyakan pekebun kelapa mengubah kepada tanaman kelapa sawit yang lebih menguntungkan. Ini mendorong kepada peralihan besar-besaran daripada tanaman kelapa kepada kelapa sawit. Persaingan sengit antara tanaman yang memberi lebih pulangan telah menjadikan industri kelapa terus merudum akibat daripada kekurangan permintaan minyak kelapa yang mendapat saingan daripada minyak sawit.

Cabaran industri kelapa negara

Era tahun 1980an telah berlalu menghampiri 3 dekad lalu. Industri kelapa yang didominasi oleh pekebun kecil mula melihat perkembangan masa depan kelapa yang pragmatik dengan potensi pasaran dan harga komoditi kelapa yang lebih baik. Purata harga ladang kelapa tua telah meningkat hampir 4 hingga 5 kali ganda iaitu dari RM0.15 sebiji kepada antara RM0.50-RM0.70 sebiji.

Bagi kelapa muda pula, permintaan telah mula berkembang dengan inisiatif kerajaan terutamanya Kementerian Pertanian dalam tahun 1990an melalui galakan meminum air kelapa muda. Beberapa promosi telah mula digerakkan di mana pelbagai agensi terutamanya FAMA telah menyusun program membina pasaran air kelapa muda. Kelapa muda yang pada mulanya hanya sebagai minuman yang tidak dikomersialkan telah berubah menjadi popular. Harga runcit kelapa muda di peringkat awal tahun 1990an adalah pada aras RM0.30-RM0.45 telah melonjak kepada RM1.00 di penghujung tahun 1990an. Lonjakan harga ini adalah kesan daripada permintaan tinggi rentetan daripada promosi yang telah dijalankan oleh pihak kerajaan dan pengusaha-pengusaha sendiri. Pada ketika ini harga runcit bagi kelapa muda telah mencecah RM2.50 manakala harga kelapa tua telah mencecah antara RM0.80-RM1.00 di peringkat ladang. Permintaan dan harga pasaran yang begitu tinggi telah menarik kembali minat pekebun dan petani untuk menanam kelapa.

Industri kelapa yang selama ini bergerak agak perlahan berdepan dengan pelbagai isu antaranya kekurangan bekalan yang berlaku akibat penurunan kawasan tanaman dan pengeluaran (STAR, 1998). Oleh itu, bagi mentransformasikan semula industri ini, cabaran yang wujud perlu ditangani dan kedudukan sebenar industri wajar dikenal pasti.

i. Umur tanaman kelapa

Kelapa adalah tanaman saka yang boleh menjangkau umur ekonomik sehingga 50 tahun. Ketika ini dianggarkan lebih daripada 70% tanaman kelapa di Malaysia telah melebihi 50 tahun. Kebanyakan kebun kelapa ditanam dengan varieti kelapa tradisional Malayan Tall. Tahap produktiviti kebun berkenaan semakin menurun dan telah mencapai ketinggian antara 60 hingga 70 kaki dan menyukarkan proses penuaian hasil.

ii. Penggunaan teknologi dan mekanisasi rendah

Penanaman kelapa di Malaysia didominasi oleh pekebun kecil yang keluasan tanaman kurang daripada sehektar. Ini menyebabkan tanaman kelapa ini berintensif buruh. Penggunaan mekanisasi dan teknologi baru amat rendah dan operasi pengeluaran berintensif buruh adalah fenomena tradisi biasa di kalangan pekebun kecil

iii. Penurunan keluasan kawasan tanaman

Ekonomi pasaran bebas bermatlamatkan keuntungan maksima di mana ia penting dalam memastikan kelestarian industri. Industri kelapa berdepan dengan penurunan keluasan kawasan tanaman akibat tanaman alternatif yang lebih menguntungkan iaitu kelapa sawit. Dalam tahun 1980an dan 1990an, faktor harga yang rendah akibat persaingan dengan minyak kelapa sawit menyebabkan ramai petani telah menukar tanaman kelapa kepada kelapa sawit. Harga kelapa sawit pada ketika itu mampu mencapai sehingga RM1,200/tan, ia jauh lebih menguntungkan dan mampu meningkatkan tahap sosioekonomi petani berbanding dengan hasil kelapa

iv. Petani tua

Di samping usia tanaman yang telah tua, terdapat juga isu petani yang semakin berusia. Ini menyebabkan daya inisiatif untuk membangunkan kebun semakin berkurangan. Industri kelapa yang berintensif buruh lazimnya akan terjejas akibat faktor umur pengusaha yang semakin berumur.

v. Kekurangan benih hibrid

Dalam tempoh dua dekad lalu, dasar-dasar pertanian yang telah digubal juga kurang menjurus kepada pembangunan industri kelapa terutamanya pembangunan penyelidikan seperti varieti. Penekanan oleh kerajaan pada ketika itu lebih menumpukan kepada galakan tanaman selingan.

Pembangunan ex-situ dan in-situ tanaman kelapa boleh dianggap marginal. Pembangunan varieti baru seperti varieti hibrid hanya baru diberi tumpuan sedekad lalu, ekoran kebimbangan bekalan kelapa yang dilihat mula berkurangan dan harganya mula meningkat. Minat pekebun mula kembali untuk meningkatkan hasil kelapa sejajar dengan peningkatan harga pasaran. Namun bekalan benih kelapa hibrid amat terhad dan ini mengehendkan keupayaan program pemulihan semula dan penanaman semula kelapa.

Rasional kajian

Negara kini berdepan dengan kekurangan bekalan keperluan komoditi kelapa domestik bagi penggunaan segar dan sektor pemprosesan. Keadaan ini berpunca daripada penurunan jumlah keluasan tanaman kelapa yang menurun hampir 75% daripada keluasan asal. Sehingga kini keluasan kelapa negara berada pada paras 82,000 hektar pada tahun 2015 dan didominasi oleh sektor pekebun kecil.

Keadaan ini bertambah kritikal dengan produktiviti yang rendah akibat daripada kebanyakan pokok kelapa berumur lebih 50 tahun dan hasil keluaran yang rendah. Di samping faktor umur pokok, produktiviti pokok juga bergantung kepada pengurusan dan amalan teknologi serta penjagaan pokok dari segi pembajaan, pengurusan serangga perosak dan merumput dan pengurusan perparitan yang baik (Nik Fuad, 1984). Menurut beliau, faktor-faktor demografi dan amalan pengurusan agronomi seperti pembajaan, sistem saliran serta pengendalian ladang seperti merumput dan pengurusan perosak memainkan peranan penting dalam menjamin hasil keluaran yang baik.

Aktiviti dan amalan pembajaan adalah penting dalam menjamin peningkatan hasil pengeluaran kelapa yang baik Chew (1982) dan Ollagnier (1979). Pelbagai amalan pengurusan tanaman kelapa telah dibangunkan oleh agensi kerajaan terutamanya MARDI dan usaha pengembangan telah dijalankan oleh Jabatan Pertanian. Pihak kerajaan juga telah melaksanakan program atau skim bagi memberi bantuan input dan bantuan kewangan membiayai pembangunan infrastruktur perparitan. Skim ini dilaksanakan bagi membantu meningkatkan hasil kelapa pekebun kecil. Keupayaan dan kejayaan penggunaan teknologi atau amalan pengurusan yang disyorkan pihak berkuasa bagaimanapun dijangka boleh dipengaruhi oleh faktor demografi seperti tahap pendidikan, umur petani dan umur tanaman serta varieti tanaman kelapa.

2.2 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan data sekunder dan data primer. Data sekunder diperoleh daripada maklumat Statistik Organisasi Makanan Sedunia atau *Food Agriculture Organization* (FAO). Data-data pengeluaran dan eksport dunia diperoleh bagi menilai secara umumnya kedudukan industri kelapa di negara ini dan negara pengeluar lain.

Data sekunder di peringkat ladang dan kawasan tanaman di Malaysia serta senarai petani untuk kajian diperoleh daripada Jabatan Pertanian. Jabatan Pertanian adalah agensi penting dalam pembangunan industri kelapa negara kerana ia berperanan sebagai agensi pengembangan serta pengedaran bantuan dan sokongan daripada kerajaan.

Sejumlah 300 responden telah dipilih daripada tiga kawasan utama tanaman kelapa di Semenanjung Malaysia yang diperoleh daripada Jabatan Pertanian, iaitu di Teluk Intan, Perak, Kuala Selangor, Selangor dan di Batu Pahat, Johor. Sampel kajian dibuat secara pemilihan rawak mudah daripada ketiga-tiga negeri bagi daerah utama kelapa negeri berkenaan.

2.3 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Antara beberapa parameter penting dalam kajian ekonomi adalah aspek demografi responden. Dalam kajian ini empat parameter demografi responden telah dinilai dan ia akan dihubungkan dengan parameter utama kajian iaitu amalan teknologi, pemasaran dan masalah serta ciri-ciri yang wujud dalam sub-sektor pekebun kecil kelapa.

Jadual 2.1 menunjukkan klasifikasi umur petani dan sejumlah besar atau 67.3% pekebun kelapa adalah berusia lebih daripada 50 tahun. Di dalam kategori ini terdapat petani yang berumur melebihi 70 tahun di mana ia mewakili hampir 11.6% daripada keseluruhan petani. Faktor umur penting untuk diambil kira memandangkan ia berupaya memberi rangsangan kepada keupayaan industri berkembang pada masa depan. Secara umumnya isu petani berumur dan migrasi golongan muda ke bandar amat mempengaruhi sektor pertanian secara keseluruhan. Di sebaliknya pula masa depan industri bergantung kepada petani muda di bawah 30 tahun yang hanya diwakili 4.7% orang sahaja.

Jadual 2.1: Klasifikasi umur petani

Umur petani	Jumlah petani	Peratus	Peratus kumulatif
>30 tahun	13	4.7	4.7
31 – 50 tahun	77	28.0	32.7
>51 tahun	185	67.3	100.0

Jadual 2.2 menunjukkan taburan taraf pendidikan di kalangan pekebun kelapa. Majoriti petani telah melalui pendidikan formal sehingga ke pendidikan menengah iaitu 60.8%. Terdapat hanya segelintir di kalangan responden yang mencapai taraf pendidikan tinggi di peringkat universiti atau kolej iaitu 6.7%.

Jadual 2.2: Taburan taraf pendidikan petani

Taraf pendidikan	Jumlah petani	Peratus
Tiada pendidikan formal	8	3.0
Sekolah rendah	79	29.5
sekolah menengah	163	60.8
Universiti/kolej	18	6.7
Jumlah	268	100

Jadual 2.3 menunjukkan tahap penglibatan responden dalam sektor pertanian dan selain pertanian. Daripada 231 orang responden yang menjawab soalan ini, didapati seramai 182 orang atau 78.7% merupakan petani sepenuh masa iaitu tanaman kelapa dan tanaman lain, manakala seramai 35 orang atau 15.2% berkhidmat dengan pihak swasta dan berniaga di samping mengusahakan penanaman kelapa terdapat 14 orang atau 6.1% di kalangan penjawat awam dan pesara yang menceburi aktiviti penanaman kelapa.

Jadual 2.3: Kriteria komitmen pekebun kelapa

Pekerjaan utama	Jumlah	Peratus
Pertanian dan pekebun kelapa	182	78.7
Kakitangan/pesara awam	14	6.1
Pekerja swasta	35	15.2
Jumlah	231	100

Pada tahun 1980an sehingga 90an, kejatuhan harga komoditi kelapa telah menyebabkan pihak kerajaan mencari inisiatif membantu pekebun kecil kelapa untuk meningkatkan pendapatan mereka. Ketika itu harga kelapa di peringkat ladang telah jatuh sehingga RM0.15 sebiji dan rata-rata pekebun kelapa berada di bawah paras kemiskinan. Dengan hasil sehektar antara 4,000 biji - 5,000 biji, maka petani mendapat antara RM600.00 – RM750.00/tahun atau RM50.00 – RM62.50. Kesan daripada inisiatif dan galakan kerajaan maka penilaian dibuat atas ciri kepelbagaian tanaman yang diusahakan oleh responden. Perubahan dari semasa ke semasa telah berlaku dan *Jadual 2.4* dalam kajian ini mendapati 72.35% memberi tumpuan hanya kepada tanaman tunggal, manakala 3.8% pekebun melaksanakan tanaman integrasi dengan tanaman saka seperti koko dan kopi. Sementara itu terdapat 23.90% daripada pekebun kecil menjalankan tanaman selingan dengan tanaman kontan.

Jadual 2.4: Ciri kepelbagaian kebun kelapa

Kepelbagai tanaman	Jumlah	Peratus
Tanaman tunggal	167	72.35
Tanaman integrasi saka	9	3.8
Tanaman selingan kontan	55.0	23.9
Jumlah	231	100

Analisis mendapati 80.1 peratus dari kebun kelapa yang dikaji, masih mengekalkan pokok kelapa berumur melebihi 25 tahun (*Jadual 2.5*). Terdapat juga pokok yang telah berumur melebihi 50 tahun dan faktor ini perlu dilihat dengan lebih kritikal kerana kebanyakan pokok tua telah kurang produktif dan ketinggian menyebabkan memetik buah sukar dengan kos buruh yang semakin tinggi mencecah RM0.10 – RM0.20 sebiji.

Jadual 2.5: Kluster Umur Pokok Kelapa Malayan Tall

Kluster umur pokok	Peratus
<10 tahun	4.1
10 tahun – 25 tahun	15.5
>25 tahun	80.1

Bagi menjamin hasil kelapa yang lebih baik maka amalan perladangan dan pengurusan kebun perlu dibuat mengikut syor-syor dan khidmat nasihat oleh agensi kerajaan. *Jadual 2.6* menunjukkan kedudukan penerapan amalan perladangan di kalangan pekebun kelapa di kawasan kajian.

Terdapat empat aspek penerapan atau amalan pengurusan ladang yang digalakkan oleh pihak pengembangan terutamanya Jabatan Pertanian kepada pekebun kelapa iaitu penyediaan atau penyelenggaraan saliran, pengurusan pembajaan, pengawalan serangga perosak dan merumput. Hasil kajian sepertimana *Jadual 2.6*, menunjukkan sebilangan besar petani melaksanakan amalan tersebut. Namun, penyediaan dan penyelenggaraan saliran adalah aspek paling kurang diberi perhatian oleh petani iaitu hanya 15.5% petani yang menjalankan aktiviti ini. Petani berpandangan bahawa perkara ini adalah membabitkan pembangunan infrastruktur yang besar dan lazimnya ia memerlukan pembabitan di peringkat agensi atau petani di kawasan setempat secara menyeluruh

Kepentingan pembajaan pokok kelapa merupakan amalan yang diperlukan bagi menjamin prestasi hasil pokok dapat ditingkatkan. Kajian mendapati 78.7% petani menjalankan aktiviti pembajaan ke atas kebun kelapa mereka. Hanya segelintir pekebun yang tidak menjalankan aktiviti berkenaan iaitu 21.3%.

Di samping pengurusan pembajaan, amalan pengawalan perosak sewajarnya diberi perhatian di kalangan pekebun kelapa. Menurut Jabatan Pertanian yang sering berhubung dengan pekebun kelapa, mereka sentiasa memberi khidmat nasihat untuk memastikan kebun kelapa bebas daripada serangan serangga perosak yang mampu memusnahkan tanaman kelapa. Hasil kajian mendapati aktiviti kawalan serangga perosak tidak dijalankan oleh sebilangan besar pekebun. Terdapat 48.7% pekebun tidak menjalankan kawalan serangga perosak.

Jadual 2.6: Amalan perladangan pekebun kelapa

Amalan Pertanian	Status	Jumlah	Peratus
Penyediaan saliran	Ya	36	15.5
	Tidak	195	84.4
Pengurusan Pembajaan	Ya	182	78.7
	Tidak	49	21.3
Pengurusan serangga dan perosak	Ya	118	51.3
	Tidak	112	48.7
Merumput	Ya	225	90.0
	Tidak	25	10.0

Jadual 2.7, menilai masalah yang sering wujud di kalangan pekebun kelapa. Hasil kajian mendapati masalah utama yang dibangkitkan oleh petani adalah bekalan benih. Ini sejajar dengan publisiti yang dibuat oleh banyak pihak mengenai prestasi varieti kelapa Matag, maka kebanyakan pekebun kelapa berminat dan ingin mendapatkan bekalan benih berkenaan. Sejumlah 87.5% petani menyuarakan permasalahan benih sebagai isu yang perlu ditangani bagi memajukan industri kelapa.

Isu buruh menjadi isu kedua yang dibangkitkan oleh petani kelapa di mana 73.4 peratus petani menyatakan mereka sering berhadapan dengan masalah buruh dalam menjalankan aktiviti perladangan. Kenaikan kos bahan input dan buruh digambarkan oleh petani di mana sejumlah 67.8% pekebun kelapa menyatakan mereka berdepan dengan masalah kenaikan kos penyelenggaraan. Sejar dengan status kebanyakan kebun yang ditanam dengan pokok tua yang kurang produktif maka hasil juga menjadi antara masalah utama dibangkitkan pekebun iaitu 65.4%. Berbanding dengan 3 masalah yang disebutkan di atas, kestabilan harga dan ancaman penyakit adalah masalah yang kurang dihadapi oleh pekebun kelapa iaitu 53.6% dan 47.8%.

Jadual 2.7: Masalah pekebun kelapa

Masalah	Peratus
Bekalan benih	87.5
Buruh	73.4
Kos penyelenggaraan tinggi	67.8
Hasil kelapa rendah	65.4
Kestabilan harga	53.6
Ancaman penyakit	47.8

Kebergantungan kepada bantuan dan subsidi kerajaan masih terus wujud di kalangan pekebun kelapa. Insentif dan subsidi adalah sebahagian usaha penggalakan pembangunan industri kelapa dan penilaian dibuat mengenai agensi yang membantu dalam memberi bantuan baja. Sejumlah besar bantuan baja adalah diperoleh daripada Jabatan Pertanian iaitu 87.5%. Agensi-agensi lain yang memberikan bantuan baja adalah Pertubuhan Peladang Kawasan dan Lembaga Pertubuhan Peladang.

Jadual 2.8: Bantuan baja

Agensi	Jumlah	Peratus
DOA	189	87.5
PPK	23	10.7
LPP	4	1.8
Jumlah	216	100

Di samping bantuan baja, perkhidmatan teknikal dan khidmat nasihat berbentuk perundingan dan penyampaian maklumat mengenai amalan pertanian kepada pekebun kelapa juga dinilai. Hasil kajian mendapati sejumlah 68.0% menyatakan mereka mendapat khidmat nasihat teknikal daripada agensi-agensi kerajaan dan daripada pemerhatian dan perbincangan lanjut daripada pekebun didapati Jabatan Pertanian telah memainkan peranan dalam kerja-kerja pengembangan dan bantuan input pertanian.

Jadual 2.9: Khidmat teknikal

Penerimaan Khidmat Teknikal	Jumlah	Peratus
Ya	187	94.4
Tidak	11	5.6
Jumlah	198	100

Pasaran

Dari segi pemasaran kelapa, maklumat mengenai harga pasaran kelapa tua telah dikutip di peringkat ladang. Analisis mendapati purata harga kelapa yang diterima oleh pekebun adalah RM1.08/biji. Harga tertinggi kelapa tua yang diterima adalah RM1.30/biji manakala harga terendah kelapa tua di peringkat ladang adalah RM0.80. Sejumlah besar pekebun iaitu 38.9% menerima kadar harga RM1.00/biji di peringkat ladang.

Dari segi saluran pemasaran pula, majoriti pekebun menjual kelapa kepada peraih yang datang terus ke ladang dan membeli kelapa dalam dua bentuk sama ada telah dikupas dan yang belum dikupas sabutnya.

Terdapat juga segelintir peraih menuai sendiri kelapa terus dari pokok di mana dalam keadaan berkenaan potongan harga dikenakan dan harga kelapa yang diambil adalah lebih rendah iaitu di antara RM0.20-RM0.30 lebih rendah daripada harga untuk kelapa yang telah siap dipetik dan dikupas sabut.

Jadual 2.10: Harga jualan

Kadar Harga (RM)	Jumlah	Peratus
0.80	2	3.7
0.90	2	3.7
1.00	21	38.9
1.05	1	1.8
1.10	7	12.9
1.20	19	35.3
1.30	2	3.7
Jumlah		100

Sabut

Sabut merupakan produk yang dihasilkan di peringkat ladang di kalangan pekebun kelapa. Namun, hasil kajian menunjukkan hanya tujuh orang pekebun sahaja yang menjawab ada menjual sabut kepada pengilang untuk menghasilkan "coco peat". Hasil kajian mendapati pekebun menerima harga sabut di peringkat ladang di antara RM30.00-RM60.00 bagi setiap lori seberat 1 tan. Secara keseluruhannya anggaran pendapatan dari sabut kelapa tahunan adalah antara RM120 – RM4,500.00.

2.4 SARANAN

Hasil kajian ini mendapati hala tuju industri kelapa perlu dilihat di peringkat ladang. Asas-asas utama potensi pembangunan industri kelapa negara wajar mengambil kira kepada potensi untuk meningkatkan produktiviti kelapa melalui penanaman varieti yang berhasil tinggi dan pokok rendah. Isu utama yang menjurus kepada saranan agar kepentingan produktiviti atau varieti berhasil tinggi dan pokok yang rendah perlu diberi tumpuan sejajar dengan masalah buruh dan kos penyelenggaraan yang tinggi. Oleh itu, melalui penanaman varieti yang pokoknya rendah dan berhasil tinggi maka ia dapat menampung kesan kenaikan kos penyelenggaraan akibat dari faktor luaran seperti kekurangan buruh dan peningkatan harga input langsung tanaman kelapa. Varieti-varieti pokok yang rendah mampu mengurangkan isu kesukaran penuaian dan upah memetik buah kelapa yang tinggi.

Peralihan kepada varieti yang lebih baik ini menyebabkan pekebun kelapa ingin mendapatkan anak benih berhasil tinggi dan lewat mencapai ketinggian seperti varieti kelapa Matag. Pekebun merasa yakin bahawa varieti ini berupaya memberi impak kepada hasil dan mampu memberi jalan keluar kepada permasalahan utama yang dibangkitkan iaitu kos penyelenggaraan dan buruh yang tinggi.

Permasalahan ini di dokong dengan kedudukan majoriti umur pekebun kelapa yang sejumlah besarnya atau 67.3% berumur melebihi 51 tahun. Ini ditambah pula dengan kebanyakan pokok telah berumur, di mana 80.1% pokok kelapa adalah berusia melebihi 25 tahun ke atas. Oleh itu usaha dan keutamaan untuk menanam semula kebun dengan varieti yang lebih baik perlu diberi keutamaan.

Kajian menunjukkan bahawa kesan daripada permintaan dan harga kelapa yang tinggi jelas memberi impak kepada komitmen pekebun untuk menyelenggarakan kebun mereka. Aktiviti pembajaan dan merumput adalah menjadi aspek penting dalam aktiviti amalan pengurusan kebun kelapa di kalangan petani. Namun amalan penyelenggaraan saluran dan pengurusan serangga perosak tidak menjadi keutamaan dalam amalan di peringkat ladang. Ini disebabkan urusan penyelenggaraan saluran mempunyai hubung kait secara menyeluruh dan lazimnya membabitkan petak, kebun atau ladang bukan sahaja kepunyaan petani berkenaan, namun membabitkan petani lain atau ladang berhampiran. Pekebun juga sering menjelaskan perkara ini sukar dilaksanakan secara perseorangan memandangkan penyelenggaraan yang lebih kerap perlu dijalankan secara bersepadu dengan kerjasama semua pihak. Saliran dan pengaliran air membabitkan sistem perparitan atau tali air dan sungai dan ia merupakan infrastruktur awam dan penyelenggaraan secara individu belum pasti menjamin penambahbaikan yang efektif. Maka ia memerlukan pengawalan oleh agensi pusat atau secara berkelompok dengan petani setempat.

Dari segi pengurusan perosak, ia memerlukan tindakan penyelesaian bersepadu. Ini kerana serangga perosak atau penyakit boleh bermigrasi dari suatu lokasi ke lokasi lain. Kawalan atau usaha persendirian belum dapat menjamin untuk mengelakkan serangan wabak atau perosak secara berkesan. Antara contoh yang dibangkitkan adalah serangan monyet dan babi hutan. Kawalan secara menyeluruh sukar dibuat kerana binatang berkenaan berkeliaran secara bebas dan memerlukan tindakan bersepadu sama ada di peringkat agensi berkuasa atau melalui kerjasama petani.

Bagi meneruskan kelestarian dan menjamin masa depan industri kelapa negara, usaha mengekalkan dan memperkasakan peranan serta tanggungjawab agensi pengembangan adalah penting. Ini kerana komitmen pekebun kelapa banyak dipengaruhi oleh usaha berterusan di kalangan agen pengembangan dalam membantu pekebun mengenal pasti dan menyelesaikan isu bagi meningkatkan produktiviti

tanaman kelapa secara berkumpulan. Hasil lawatan dan survei yang dilakukan secara kumpulan fokus jelas menunjukkan pertukaran maklumat dan kerjasama ke arah meningkatkan hasil secara berpasukan amat baik dan berkesan.

2.5 RUMUSAN

Pembangunan industri kelapa di Malaysia berupaya untuk berkembang. Namun isu kawasan tanah bagi penanaman, petani berusia dan pokok kelapa tua akan terus membelenggu industri kelapa negara. Terdapat hubung kait yang rapat di antara tanah, petani dan kelapa berumur. Hampir 30 peratus petani yang berumur 60 ke atas sehingga 90 tahun. Faktor umur dan hak milik tanah di kalangan petani ini dijangka akan lebih kritikal apabila petani berkenaan meninggal dunia dan pemilikan tanah menjadi isu di kalangan ahli keluarga mereka. Pemilikan tanah adalah antara pra syarat utama perlu dipenuhi oleh petani sebelum bantuan penanaman semula dan pemulihan kebun dapat diberikan. Oleh itu penggubalan semula dasar dan garis panduan pemberian bantuan seperti pemulihan dan penanaman semula perlu dikaji agar pelaksanaan program kerajaan tidak terjejas. Sekiranya isu tanah dan pemilikan menjadi kritikal maka kekangan penambahan kawasan baru akan berlaku, maka bekalan kelapa dalam negara akan tergugat dalam tempoh masa yang akan datang. Ini ditambah dengan penurunan keluasan kawasan kelapa daripada hampir 300,000 hektar suatu masa dulu kepada tinggal 82,000 hektar pada tahun 2015.

Kanun tanah negara mengenai pemilikan tanah perlu dilihat semula terutama sejajar dengan hala tuju kedaulatan makanan termasuk juga komoditi kelapa yang merupakan sebahagian keperluan utama rakyat Malaysia. Isu pemilikan tanah dan kewujudan tanah terbiar termasuk kelapa perlu disemak. Produk nilai tambah didapati mempunyai pasaran eksport. Oleh itu, potensi untuk membangunkan rantaian nilai industri kelapa perlu digembelengkan dengan meningkatkan komitmen pekebun kelapa di peringkat ladang dan pembangunan varieti yang lebih berhasil tinggi serta tempoh mula mengeluarkan hasil yang lebih singkat.

Harga merupakan antara tarikan utama kepada minat pengusaha untuk menyertai semula sektor pengeluaran kelapa. Kemasukan kelapa daripada negara jiran perlu dikawal bagi memastikan keseimbangan harga kelapa di ladang dan keperluan pengguna demi menjamin kelestarian pengeluaran kelapa tempatan.

2.6 RUJUKAN

- Chew, P.S. (1982). Nitrogen Fertilization of Coconuts in Peninsular Malaysia. Seminar on Nitrogen in Agriculture 1982. Malaysia Soc. Of Soil Science.
- Nik Fuad, N.M. K (1984). A report on the agro economic survey of Minyak Beku (Johor) coconut Smallholder Development Scheme . MARDI.
- Ollagnier, M. (1979). Mineral nutrition and fertilizer of the coconut around the world. . Presented at 5th Sess. Of teh FAO Techn. Working Party on Coconut Prodn., Protect and Processing, Manila , Philips., 3-8th Dec. 1979.
- Shaaban, S (1988). Farmers receptivity to new technologies in coconut Malaysia, Asia and Pacific Coconut Community, Jakarta.
- STAR, 2007. Coconut industry to berevived. The STAR, 14th September 2007
- STAR , 1999. Serious shortage of coconut. The Star, 17th September 1999, page 5.
- Tengku Ariff , T.A. (1998).Effects of Trade Liberalization on Agriculture in Malaysia: Institutional and Structural Aspects , Working Paper Series No. 34 CPGRTCcentre, Bogor, Indonesia.

